

Program Pembangunan Syarikat Pertengahan Akan Beri Manfaat Kepada Pengeksport Malaysia
Bernama
9 Mac, 2014

KUALA LUMPUR, 10 Mac (Bernama) -- Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti), menerusi Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia Corp (Matrade), mahu meningkatkan pertumbuhan syarikat-syarikat peringkat pertengahan Malaysia menerusi Program Pembangunan Syarikat Peringkat Pertengahan (MTCDP).

"Memperakui sumbangan ekonomi syarikat-syarikat ini, MTCDP diwujudkan khusus untuk syarikat peringkat pertengahan (MTC), dan program ini dijangka menjana sekurang-kurangnya RM6 bilion Pendapatan Negara Kasar (PNK), RM6 bilion eksport dan lebih 130,000 peluang pekerjaan menjelang 2020," kata Matrade dalam satu kenyataan di sini Isnin.

MTC terdiri daripada syarikat yang menjana hasil tahunan antara RM50 juta dan RM500 juta dalam sektor pembuatan dan antara RM20 juta dan RM500 juta dalam sektor perkhidmatan dan lain-lain.

"Menerusi program ini, MTC akan dapat meningkatkan pertumbuhan dan meluaskan pasaran ke peringkat global dan peserta akan memperoleh akses yang lebih baik kepada pasaran baharu, diperkenal ke segmen/pelanggan pasaran baharu dan menerima akses kepada institusi kewangan luar negara," katanya.

Menerusi pelantikan Matrade sebagai agensi pelaksana, kerajaan yakin bahawa program ini akan dapat memajukan dan menjadikan MTC lebih berdaya tahan dan mampu bersaing di peringkat serantau dan antarabangsa.

"Ini seterusnya akan membantu menyumbang kepada pengukuhan ekonomi Malaysia dan menambah bilangan pekerjaan berpendapatan tinggi di Malaysia," katanya.

Sejumlah 50 syarikat pertengahan berpotensi tinggi akan dipilih pada pelaksanaan awal program ini yang akan membantu 50 MTC baharu setiap tahun hingga 2020, katanya.

"Setiap syarikat akan menerima sokongan yang sesuai khusus untuk keperluan mereka, seperti memanfaatkan rangkaian global rakan usaha sama perniagaan yang berpotensi, pengedar, rakan teknologi, institusi kewangan dan pelabur," katanya dan menambah peserta juga menikmati perkakasan sokongan perniagaan dan risikan pasaran masa nyata yang disediakan oleh perunding pengurusan antarabangsa.

Matrade sedang mengenal pasti MTC berpotensi dan berprestasi tinggi untuk menyertai program ini, dan akan memberi taklimat dari 2 hingga 4 petang pada 11 Mac di Menara Matrade di sini mengenai manfaat program berkenaan.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1020636>